

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai TripCare 360 Takaful . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	TRIPCARE 360 TAKAFUL Tarikh : 01/11/2019

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Produk ini menyediakan manfaat kepada orang yang dilindungi sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tertentu semasa perjalanan domestik atau perjalanan antarabangsa, untuk tujuan perniagaan atau masa lapang. Manfaat ini termasuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan disebabkan kemalangan atau penyakit, pelbagai kesulitan perjalanan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barang peribadi, liabiliti peribadi, dan perkhidmatan kecemasan. Orang yang dilindungi juga boleh memilih manfaat perlindungan tambahan semasa menyertai aktiviti berbahaya. Terma-terma dan syarat-syarat lengkap yang berkaitan manfaat-manfaat ini dinyatakan di dalam sijil takaful.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep wakalah, di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada sumbangan)
• Komisen dibayar kepada ejen • Perbelanjaan pengurusan	25% Sehingga 20%
Jumlah Fi Wakalah	Sehingga 45%

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana para peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada Dana Takaful Am (Dana) bagi tujuan saling bantu membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak peserta.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Manfaat-manfaat adalah berbeza mengikut kejadian tertentu dan tahap pelan perlindungan yang dipilih, seperti yang diringkaskan di dalam jadual di bawah.

Ringkasan Manfaat (setiap kemalangan/kejadian, setiap perjalanan)	Jumlah Manfaat Bagi Setiap Individu Mengikut Jenis Perlindungan (RM)			
	Domestik	Antarabangsa		
		Perak	Emas	Platinum
Liabiliti Had Agregat Maksimum ialah RM 5,000,000 bagi setiap kemalangan/kejadian. Jika amaun agregat semua manfaat yang dibayar di bawah kontrak ini melebihi had ini, manfaat yang dibayar kepada setiap orang yang dilindungi akan dikurangkan mengikut kadar supaya jumlah semua manfaat yang dibayar tidak melebihi had ini.				
Seksyen A – Kematian atau hilang upaya kekal				
a. Dewasa b. Anak c. Warga Emas d. Keluarga – bayaran maksimum bagi setiap kemalangan di bawah pelan Keluarga.	50,000 10,000 50,000 150,000	100,000 40,000 100,000 300,000	300,000 100,000 300,000 900,000	500,000 100,000 500,000 1,500,000
Seksyen B – Perbelanjaan perubatan, melebihi RM 100	Akibat kemalangan sahaja	Akibat kemalangan atau penyakit		
B1. Perbelanjaan berkaitan perubatan (sehingga)	50,000	100,000	300,000	500,000
B2. Perbelanjaan rawatan susulan (sehingga)	5,000	5,000	10,000	30,000
B3. Perbelanjaan rawatan alternatif (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000
B4. Penjagaan ihsan	Tidak Dilindungi	5,000	5,000	5,000
B5. Penjagaan anak / penghantaran pulang anak	Tidak Dilindungi	5,000	5,000	5,000
B6. Pendapatan harian hospital / elauan kemasukan ke hospital (maksimum 20 hari)	150 sehari	150 sehari	250 sehari	350 sehari
Seksyen C – Kesulitan perjalanan				
C1. Pembatalan perjalanan (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	20,000	50,000
C2. Pemendekan perjalanan (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	20,000	50,000
C3. Kelewatan perjalanan (sekurang-kurangnya kelewatan 2 jam, sehingga)	100	1,000	2,000	5,000
C4. Kelewatan bagasi (sekurang-kurangnya kelewatan 6 jam)	500	500	1,000	2,000
C5. Terlepas sambungan perjalanan (sekurang-kurangnya kelewatan 6 jam)	Tidak Dilindungi	400	500	600
C6. Kesulitan akibat rampasan (RM250 untuk setiap kelewatan 24 jam penuh)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 500	Sehingga 1,000
Seksyen D – Kehilangan atau kerosakan bagasi, barang peribadi, wang peribadi dan/atau dokumen perjalanan, melebihi RM100				
D1. Bagasi dan/atau barang peribadi (sehingga)	1,000	1,000	3,000	5,000

Ringkasan Manfaat (setiap kemalangan/kejadian, setiap perjalanan)	Jumlah Manfaat Bagi Setiap Individu Mengikut Jenis Perlindungan (RM)			
	Domestik	Antarabangsa		
		Perak	Emas	Platinum
D2. Wang peribadi (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	500	1,000
D3. Dokumen perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000	1,500
D4. Penjagaan rumah (sehingga)	500	1,000	1,000	1,000
Seksyen E – Liabiliti peribadi (sehingga)	200,000	200,000	1,000,000	2,000,000
Seksyen F – Perkhidmatan kecemasan	Akibat kemalangan sahaja	Akibat kemalangan atau penyakit		
F1. Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang(sehingga)	500,000	500,000	1,000,000	1,500,000
F2. Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah (sehingga)	500,000	500,000	1,000,000	1,500,000
Seksyen G – Aktiviti-aktiviti berbahaya (manfaat pilihan)				
Melindungi orang yang dilindungi berkenaan manfaat kematian atau hilang upaya kekal di bawah Seksyen A dan perbelanjaan perubatan di bawah Seksyen B.	Tidak Dilindungi	Tersedia	Tersedia	Tersedia
Nota: Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh Aktiviti-aktiviti berbahaya.				

- Nota:**
1. Bagi Pelan Keluarga. Seksyen B1– B3, B6, C1– C6, D1– D2 and E1, jumlah keseluruhan manfaat untuk kesemua orang yang dilindungi ialah 250% daripada jumlah had yang dinyatakan di dalam jadual manfaat dia atas.
 2. Bantuan tuntutan disediakan melalui Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam di talian +603 2785 6565.
 3. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk maklumat lanjut tentang manfaat-manfaat di atas.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu dibayar bergantung kepada orang yang dilindungi (individu, individu & pasangan, atau keluarga), umur orang yang dilindungi, tahap perlindungan (domestik, atau Antarabangsa perak/emas/platinum), kawasan perjalanan, dan tempoh perjalanan. Perlindungan disediakan bagi setiap perjalanan, atau secara tahunan. Untuk pelan tahunan, tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun dan sijil boleh diperbaharui setiap tahun.

Sumbangan yang dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM) dinyatakan di dalam jadual berikut:

Pelan	INDIVIDU									
	Dewasa (18 hingga 70 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
Bilangan Hari		Perak			Emas			Platinum		
	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	14.70	21.40	28.55	38.55	34.90	46.55	62.80	46.15	61.55	83.10
6 - 10	22.20	31.65	42.20	57.00	51.60	68.80	92.90	68.25	91.00	122.90
11 - 18	31.70	50.00	66.65	90.00	81.55	108.70	146.75	107.85	143.75	194.10
19 - 30	36.75	58.45	77.95	105.20	95.30	127.10	171.55	126.05	168.10	226.90
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	15.65	20.85	28.15	25.50	34.00	45.90	33.75	45.00	60.75
Tahunan	Tidak Dilindungi	163.05	198.40	236.45	265.80	323.45	385.55	351.55	427.80	509.95
Aktiviti Berbahaya	Tidak Dilindungi	18.60	18.60	18.60	55.75	55.75	55.75	92.90	92.90	92.90

Pelan	INDIVIDU									
	Warga Emas (71 hingga 80 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
Bilangan Hari		Perak			Emas			Platinum		
	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	47.75	69.60	92.80	125.20	113.40	151.20	204.20	150.00	200.00	270.00
6 - 10	72.15	102.90	137.20	185.20	167.70	223.70	301.90	221.90	295.80	399.40
11 - 18	103.05	162.50	216.70	292.50	265.00	353.30	476.90	350.40	467.30	630.80
19 - 30	119.45	190.00	253.30	342.00	309.80	413.00	557.60	409.70	546.30	737.50
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	50.90	67.80	91.50	82.90	110.60	149.30	109.70	146.20	197.40
Tahunan	Tidak Dilindungi	529.80	644.70	768.50	863.90	1,051.20	1,253.00	1,142.60	1,390.40	1,657.30
Aktiviti Berbahaya		Tidak Dilindungi								

Pelan	INDIVIDU & PASANGAN									
	Dewasa (18 hingga 70 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
Bilangan Hari	Kawasan 1	Perak			Emas			Platinum		
		Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	28.10	40.90	54.50	73.60	66.65	88.85	120.00	88.15	117.55	158.70
6 - 10	42.40	60.45	80.60	108.85	98.60	131.45	177.45	130.40	173.85	234.70
11 - 18	60.55	95.50	127.35	171.90	155.70	207.60	280.30	205.95	274.60	370.70
19 - 30	70.20	111.65	148.85	200.95	182.05	242.70	327.65	240.80	321.05	433.40
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	29.90	39.85	53.80	48.75	64.95	87.70	64.45	85.95	116.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	311.40	378.90	451.65	507.70	617.80	736.40	671.50	817.10	974.00
Aktiviti Berbahaya	Tidak Dilindungi	35.50	35.50	35.50	106.50	106.50	106.50	177.45	177.45	177.45

Pelan	KELUARGA									
	Dewasa (18 hingga 70 tahun) dan Anak-anak yang belum berkahwin, tidak mempunyai pendapatan tetap, berumur sekurang-kurangnya 45 hari dan tidak melebihi umur 18 tahun (atau tidak melebihi 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf) pada tarikh takaful berkuat kuasa.									
	Domestik	Antarabangsa								
Bilangan Hari	Kawasan 1	Perak			Emas			Platinum		
		Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	35.25	52.55	70.10	94.60	87.30	116.40	157.10	116.30	155.05	209.35
6 - 10	53.20	75.30	100.45	135.60	125.10	166.80	225.20	166.65	222.25	300.00
11 - 18	76.00	119.50	159.35	215.10	198.50	264.65	357.30	264.45	352.65	476.05
19 - 30	88.10	150.20	200.25	270.35	249.45	332.60	449.00	332.35	443.15	598.25
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	38.75	51.70	69.80	64.40	85.85	115.90	85.80	114.40	154.45
Tahunan	Tidak Dilindungi	387.90	472.00	562.65	644.25	783.95	934.50	858.35	1,044.50	1,245.05
Aktiviti Berbahaya	Tidak Dilindungi	46.45	46.45	46.45	139.35	139.35	139.35	232.30	232.30	232.30

Kawasan perjalanan

Kawasan 1 (Domestik)	Malaysia
Kawasan 2 (Negara Asia seperti yang dinyatakan)	Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China, Filipina, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Pakistan, Sikkim, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.
Kawasan 3	Seluruh dunia kecuali Nepal, Amerika Syarikat dan Kanada.
Kawasan 4	Seluruh dunia termasuk Nepal, Amerika Syarikat dan Kanada.

Nota: Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah (RM)
Cukai Perkhidmatan – untuk Pelan Domestik sahaja	6% daripada sumbangan
Duti Setem	10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Tempoh Perjalanan – Tempoh bagi setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut di bawah pelan domestik, dan 90 hari berturut-turut di bawah pelan antarabangsa. Semua perjalanan harus dimulakan dari Malaysia.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – Sumbangan hendaklah dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum tarikh sijil berkuatkuasa.

Tuntutan – Jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

Pengecualian Am

- a. Keadaan sedia ada;
- b. Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- c. Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- d. Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- e. Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya kecuali aktiviti-aktiviti tersebut telah dilindungi di bawah aktiviti berbahaya (manfaat pilihan) yang telah andasertai;
- f. Perjalanan dalam, ke atau melalui negara-negara atau kawasan-kawasan yang tertakluk kepada perang, konflik, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit;
- g. Perjalanan dalam, ke atau melalui Cuba, Iran, Iraq, Korea Utara, Palestin, Syria atau Ukraine;
- h. Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi;
- i. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan; dan
- j. Membuat perjalanan untuk mengerjakan ibadah haji.

Seksyen B (Manfaat Perubatan)

- a. Eksperimen, penyiasatan, prosedur kosmetik, plastik, yang tidak penting, dan bukan kecemasan;
- b. Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan;
- c. Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- d. Apa-apa keadaan kongenital; dan
- e. Rawatan yang berkaitan dengan mata dan gigi.

Seksyen C (Manfaat Kesulitan)

- a. Kelewatan atau pindaan perjalanan yang ditempah oleh penyedia perkhidmatan, yang disebabkan peraturan atau undang-undang kerajaan; dan
- b. Kelewatan bagasi setelah kembali ke Malaysia.

Seksyen D (Kehilangan atau Kerosakan Bagasi, Barang Peribadi, Wang Peribadi dan/atau Dokumen Perjalanan)

- a. Kehilangan data;
- b. Barang mudah pecah;
- c. Barangan elektronik, komputer riba, komputer tablet, telefon bimbit atau barang kemas yang didaftar masuk;
- d. Peralatan dan kelengkapan sukan;
- e. Rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain;
- f. Penurunan nilai mata wang atau kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana urus niaga yang melibatkan wang;
- g. Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dan munasabah dan langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan menjamin barang peribadi; dan
- h. Tergores atau kemek atau apa-apa kerosakan yang tidak menjelaskan fungsi bagasi.

Seksyen E1 (Liabiliti Peribadi)

- a. Liabiliti kontrakual, sebagai majikan, atau ahli keluarga;
- b. Liabiliti yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi;
- c. Kehilangan atau kerosakan harta, yang dimiliki atau dalam jagaan pekerja, diri sendiri atau ahli keluarga;
- d. Pemunyaian atau penghuni tanah dan bangunan, selain daripada kediaman yang diduduki sementara;
- e. Pemilikan atau penggunaan kenderaan darat, udara atau air atau binatang; dan
- f. Prosiding jenayah kos guaman, ganti rugi yang diberikan oleh mahkamah, atau kerugian bukan wang.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Penamatkan sedemikian akan berkuat kuasa daripada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana tarikh yang terkemudian. Walau bagaimanapun, pemulangan sumbangan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam sijil takaful.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda merakamkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (1239197-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Tingkat 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Oneline 1300 13 8888

E-mel: info@etiqqa.com.my

Laman Web: www.etiqqa.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan sama yang boleh didapati

Sila rujuk kepada kami atau ejen kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN MENGENAI SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM SIJIL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU SIJIL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/11/2019.